

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[BESUT]**

**TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang diambil dalam menggalakkan lebih banyak kepakaran dari pihak industri disumbangkan untuk meningkatkan rating dan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam (UA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menjalankan pelbagai usaha bagi menggalakkan lebih banyak kepakaran yang boleh dimanfaatkan secara bersama antara pihak industri dan akademia. Ini adalah untuk memastikan pengisian program pembelajaran di Universiti Awam (UA) selari dengan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri bagi meningkatkan rating dan kadar kebolehpasaran graduan di UA. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

- i. **Program *CEO@Faculty*** – bertujuan untuk meningkatkan penyertaan sektor industri dan sektor awam dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman, ilmu dan kepakaran masing-masing untuk manfaat bersama.
- ii. **Program *Industry@University***–dilaksanakan sebagai menyokong pelaksanaan Dasar *Industry4WRD* oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sehingga kini, sebanyak 42 program telah berjaya dianjurkan di bawah program ini, merangkumi 18 Program *4.0 Industry Revolution Competence Centre*, empat (4) Program *University Revolution Teaching Factory MTUN* dan 20 Program *Makers@University*.
- iii. **Program *MOHE and Intel Elite Internship*** – yang merujuk kepada Program Latihan Industri *Berstruktur (Structured Internship Programme)* yang menghubungkan Latihan Industri (LI) dengan Projek Tahun Akhir (PSM) pelajar dalam bidang kejuruteraan mikroelektronik berpandukan konsep satu industri dan satu penyelia fakulti. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan kebolehpasaran graduan kejuruteraan mikroelektronik dalam bidang reka bentuk cip dan sistem elektronik; dan
- iv. **Program *Huawei Seed For The Future*** – merupakan program kerjasama di antara KPT dan Huawei untuk pembangunan bakat tempatan dalam bidang ICT.

Selain itu, KPT juga telah mengadakan sesi rundingan kerjasama dengan pihak Kedutaan Besar luar negara di Malaysia. Tujuan sesi rundingan adalah untuk membincangkan mengenai latihan graduan universiti melalui program PENJANA KPT-CAP dan penempatan graduan di syarikat berkenaan di Malaysia selepas tamat latihan. Sehingga kini, beberapa rundingan telah diadakan bersama dewan perniagaan dan

## SOALAN NO: 13

industri seperti *British Malaysian Chamber of Commerce* (BMCC); *Malaysian German Chamber of Commerce and Industry* (MGCC); *Trade Commissioner, High Commission of Canada to Malaysia*; *Malaysian French Chamber of Commerce and Industry* (CCIFM) dan *American Malaysian Chamber of Commerce* (AMCHAM).

Usaha untuk menggalakkan keterlibatan pihak industri khususnya dalam meningkatkan *rating* UA turut diterjemahkan dalam strategi keempat Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 (PSKG), iaitu Pemerkasaan Hubungan Industri. Strategi ini mengandungi tiga (3) inisiatif dan lapan (8) aktiviti yang menekankan aspek peningkatan penglibatan industri agar lebih berstruktur; penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional; dan pencapaian indeks kepuasan majikan. Untuk makluman, pencapaian indeks kepuasan majikan merupakan satu daripada kriteria yang digunakan untuk mengukur kedudukan atau '*rating*' sesebuah universiti. Misalnya, '*QS Asian University Rankings*' menetapkan pemberat bagi indeks kepuasan majikan adalah 10 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD**  
**[SETIAWANGSA]**  
**TARIKH** : **20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang laporan *Families on The Edge* oleh UNICEF Malaysia bagi keadaan isi rumah golongan rentan menunjukkan kadar kemiskinan meningkat kepada 45 peratus pada Mei 2021. Golongan M40, B40 mempunyai tabungan yang semakin menyusut. Apakah inisiatif Kerajaan untuk meminimalkan krisis penyusutan kewangan khususnya bagi golongan B40 dan M40.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan wabak COVID-19 memberi impak yang sangat signifikan kepada kehidupan dan sosioekonomi negara-negara di seluruh dunia. Sejak ia melanda negara pada tahun lalu, Kerajaan akan keperluan untuk meminimumkan impak pandemik kepada rakyat khususnya golongan B40 dan M40. Sebanyak lapan pakej bantuan dan rangsangan serta juga Belanjawan 2021 telah dilaksanakan yang merangkumi pelbagai inisiatif untuk tujuan berkenaan. Antara bantuan bagi mengurangkan kesan pandemik khas kepada golongan rentan ialah pemberian bantuan tunai bagi meringankan beban kos sara hidup seperti:

- i. Pemberian Bantuan Prihatin Nasional (atau BPN) yang dilaksanakan pada tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak 18.2 bilion ringgit yang telah memanfaatkan 10.6 juta penerima daripada golongan B40 dan M40;
- ii. Menambah baik Program Bantuan Sara Hidup (atau BSH) kepada Bantuan Prihatin Rakyat (atau BPR) dengan peruntukan sebanyak 9 bilion ringgit yang memanfaatkan 8.4 juta penerima; dan
- iii. Meningkatkan peruntukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada 1.5 bilion ringgit bagi tahun 2020 kepada RM2.2 bilion bagi tahun 2021 yang memanfaatkan lebih 400,000 penerima. Sebagai contoh, Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin dalam Belanjawan 2021 telah ditambah daripada 100 ringgit seorang anak dengan maksimum 450 ringgit sekeluarga, kepada 150 ringgit seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun atau 200 ringgit seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum 1,000 ringgit sekeluarga sebulan.

Menjengah ke tahun 2021, bilangan kes harian COVID-19 terus meningkat saban hari, antaranya disebabkan oleh kemunculan varian baharu yang lebih ganas. Oleh itu, Pelan Pemulihan Negara (PPN)

diperkenalkan pada bulan Jun sebagai satu strategi peralihan keluar secara berfasa daripada kemelut penularan COVID-19 susulan peningkatan kes mendadak yang mengancam sistem kesihatan awam.

Program imunisasi kebangsaan merupakan elemen utama dalam PPN bagi mencapai imunisasi kelompok pada penghujung bulan Oktober kelak, Insya-Allah. Manakala, peratus kes sembuh COVID-19 di negara kita masih tinggi dan majoriti kes baharu pula adalah tergolong dalam kategori 1 dan 2. Malahan, negara kita adalah antara negara dengan kadar vaksinasi terpantas di dunia.

PPN turut disokong dengan pakej bantuan PEMULIH memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan berperingkat dan SOP ketat masih dilaksanakan. Oleh itu, bantuan tunai langsung kepada rakyat akan diteruskan sehingga penghujung tahun 2021. Bantuan tunai daripada tahun 2020 sehingga separuh tahun pertama 2021 berjumlah lebih daripada 25 bilion ringgit dan bagi separuh tahun kedua 2021 akan melibatkan bantuan tunai 10 bilion ringgit.

Bantuan Khas COVID-19 (atau BKC) telah memanfaatkan lebih 11 juta isi rumah dan individu warga emas serta bujang daripada golongan B40 dan M40 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak 4.6 bilion ringgit. Alhamdulillah, pemberian BKC Fasa 1 dengan kadar antara RM100 hingga RM500 telah dikreditkan ke akaun penerima pada bulan Ogos yang lalu. Pemberian BKC Fasa 2 dan Fasa 3 pula dijangka akan disalurkan ke akaun penerima yang layak masing-masing pada bulan November dan Disember 2021, Insya-Allah.

Di bawah Pakej Pemulih juga, Kerajaan turut menyediakan Bantuan Kehilangan Pendapatan sebanyak 500 ringgit kepada pekerja yang kehilangan sumber pendapatan berdasarkan data KWSP atau PERKESO dalam tahun 2021. Dengan implikasi kewangan sebanyak 500 juta ringgit, bantuan ini dijangka disalurkan kepada penerima yang layak pada bulan Oktober kelak.

Dari sudut pengekaln pekerjaan bagi golongan B40 dan M40 pula, Kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah

melancarkan Program Insentif Pengambilan atau PenjanaKerjaya yang menggalakkan pengambilan pekerja dengan menyediakan insentif kewangan kepada majikan mahupun program Latihan kepada pekerja.

Kerajaan telah mengumumkan Penjana Kerjaya 1.0 pada Jun 2020 hingga Disember 2020 di bawah Pelan Jana Semua Ekonomi Negara (PENJANA) dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion melalui PERKESO bagi tujuan ini. Majikan yang menyediakan program perantisan kepada **graduan belia dan lepasan sekolah** diberikan elaun latihan sebanyak RM600 sebulan selama 6 bulan manakala majikan yang menyediakan peluang penempatan bagi **Golongan penganggur** berumur **40 tahun kebawah** pula layak mendapat insentif elaun sebanyak RM800 sebulan selama 6 bulan. Majikan yang menggajikan pekerja yang berumur **40 tahun ke atas** pula akan mendapat insentif sebanyak RM1,000 sebulan selama 6 bulan. Elaun kursus atau program latihan yang disediakan pula adalah sebanyak RM4,000 bagi mereka yang hilang pekerjaan dan bukan pencarum di bawah Skim Insuran Pekerjaan. **Setakat 3 September 2021**, sejumlah **RM635.74 juta** telahpun berjaya disalurkan melalui PenjanaKerjaya 1.0 dan memanfaatkan sebanyak **15,097 majikan** dan **116,316 pekerja**.

**Program PenjanaKerjaya (PenajanKerjaya 2.0)** telahpun diteruskan melalui Belanjawan 2021 dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion, Kerajaan telah meneruskan inisiatif pengambilan pekerja dari bulan Januari hingga Jun 2021 dengan beberapa penambahbaikan:

- i. Insentif pekerja bergaji minimum RM1,500 dinaikkan daripada kadar rata RM800 sebulan keada 40% daripada gaji bulanan, terhad kepada insentif maksimum RM4,000 sebulan
- ii. Bagi menggalakkan peluang pekerjaan kepada golongan OKU, penganggur jangka panjang dan pekerja yang diberhentikan, majikan akan diberi insentif tambahan sebanyak 20%, menjadikan keseluruhan insentif majikan berjumlah 60%
- iii. Bagi sektor dengan kebergantungan tinggi kepada pekerja asing seperti pembinaan dan perladangan, insentif khas sebanyak 60% daripada gaji bulanan disediakan dengan 40% disalurkan terus kepada majikan dan 20% kepada pekerja tempatan yang

menggantikan pekerja asing. Ketiga-tiga insentif ini diberikan untuk tempoh 6 bulan

- iv. Kos program latihan yang layak dituntut majikan juga ditingkatkan daripada RM4,000 kepada RM7,000 bagi menjalani program kemahiran tinggi atau sijil professional.

**Setakat 3 September**, sebanyak **RM354.52 juta** telah disalurkan melalui PenjanaKerjaya 2.0 sebagai insentif pengambilan pekerjaan yang telah memanfaatkan **16,491 majikan** dan **135,322 pekerja**.

Kini, melalui Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH), Kerajaan telah melanjutkan program PenjanaKerjaya kepada **PenjanaKerjaya 3.0** pada 15 Julai 2021 dengan beberapa penambahbaikan:

- i. **Kategori Malaysianisation** di bawah Penjana Kerjaya 3.0 ditambah baik dengan merendahkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,200 sebulan untuk semua kumpulan pekerja yang digajikan bagi jawatan yang biasanya diisi oleh pekerja asing.
- ii. Tempoh kontrak penggajian dikurangkan daripada 12 bulan kepada 6 bulan bagi kumpulan pekerja berumur 50 tahun ke atas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan bekas banduan.

**Setakat 3 September**, sebanyak **RM5.10 juta** telahpun berjaya disalurkan melalui PenjanaKerjaya 3.0 dan memanfaatkan sebanyak **1,717 majikan** yang melibatkan sejumlah **4,631 pekerja**.

**Secara keseluruhannya**, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak **RM995.36 juta** kepada **33,304 majikan** melalui PenjanaKerjaya bagi mengekalkan **256,253 pekerja** tempatan dari golongan B40 dan M40 dalam usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan mengurangkan pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

Kesemua inisiatif ini membuktikan bahawa Kerajaan berusaha sedaya mungkin untuk memastikan pada setiap bulan-bulan mendatang



sehinggalah hujung tahun ini, golongan rentan yang terjejas mempunyai wang tunai tambahan yang boleh dibelanjakan untuk kelangsungan kehidupan dan perniagaan. Sama-samalah kita berdoa, agar wabak ini segera hilang dan kita kembalikan semula kehidupan kita dalam norma yang baharu.

Sekian, terima kasih.